Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

# UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

## PEPERIKSAAN AKHIR
## SEMESTER I
## SESI 2014/2015

| | | |
|---|---|---|
| NAMA KURSUS | : | SISTEM PTV |
| KOD KURSUS | : | BBH 41502 |
| KOD PROGRAM | : | BBV |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | DISEMBER 2014/ JANUARI 2015 |
| JANGKA MASA | : | 2 JAM |
| ARAHAN | : | JAWAB **EMPAT (4)** SOALAN SAHAJA |

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

**S1** (a) Nyatakan maksud

(i) teknik
(ii) teknikal
(iii) vokasional (6 markah)

(b) Seiring dengan permintaan pekerja mahir di zaman teknologi yang kian pesat berkembang, jelaskan matlamat Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional dari konteks Pendidikan di Malaysia. (6 markah)

(c) Negara Malaysia perlu meningkatkan komposisi pekerja berkemahiran tinggi sekurang-kurangnya 37 peratus menjelang tahun 2015, berbanding yang sedia ada sekarang iaitu 25 peratus. Bincangkan dua (2) langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam memeperkasakan Pendidikan Teknik dan Vokasional dalam pembangunan pendidikan negara. (8 markah)

**S2** (a) Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah melancarkan Pelan Transformasi Vokasional (PTV). Senaraikan lima (5) strategi PTV tersebut? (5 markah)

(b) Huraikan lima (5) strategi yang dinyatakan di atas dalam memperkasakan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Negara kita. (15 markah)

**S3** Perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia dilihat daripada kemajuan dan pertambahan program pengajaran dan pembelajaran seperti program "Tech Prep" dan program pendidikan keusahawanan.

(a) Jelaskan maksud "Tech Prep" yang terdapat dalam Sistem PTV di Malaysia. (5 markah)

(b) Huraikan maksud pendidikan keusahawanan. (5 markah)

(c) Bincangkan pelaksanaan program "Tech Prep" sehingga tahun 2014. (10 markah)

**S4** Pendidikan negara telah mengalami evolusi sejajar dengan pembangunan dan kemampuan negara. Evolusi pendidikan ini telah melalui beberapa fasa. Beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji sistem persekolahan pada masa itu.

(a) Berdasarkan kenyataan tersebut terangkan penyataan penting dalam
(i) Laporan Razak (1956) (5 markah)
(ii) Laporan Rahman Talib (1960) (5 markah)

(b) Bincangkan dua syor yang telah dicadangkan dalam laporan Rahman Talib (1960) yang menjadi asas kepada penggubalan Akta 1961. (10 markah)

**S5** United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) berperanan membahaskan isu-isu ketamadunan, kebudayaan dan bangsa.

(a) Senaraikan tiga (3) teras utama strategi Pendidikan dan Latihan Teknik Dan Vokasional (PLTV) UNESCO. (6 markah)

(b) Pusat PLTV antarabangsa UNESCO–UNEVOC telah ditubuhkan seawal tahun 2000 dan berperanan dalam mempertingkatkan pembangunan dan peningkatan PLTV. Huraikan matlamat UNESCO–UNEVOC dalam mencapai objektif kerjasama serantau ini. (14 markah)

**- SOALAN TAMAT -**